

Serbu lombong bijih besi haram Hutan Simpan Ibam

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Januari 27, 2022 @ 10:43am



Jengkaut yang disita dipercayai digunakan untuk melombong bijih besi secara haram di Hutan Simpan Ibam. - Foto MOHD RAFI MAMAT

ROMPIN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang menggagalkan cubaan mencero boh Hutan Simpan Ibam, Muadzam Shah untuk melombong bijih besi secara haram menerusi serbuan oleh sembilan anggota penguat kuasa, petang semalam.

Unit Penguat kuasa Timur (UPKT) jabatan itu melumpuhkan kegiatan haram di Kompatmen 86 itu selepas mereka mendapat aduan awam.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat kuasa) jabatan itu, Nor Azirim Ahmad berkata, pihaknya dibantu kakitangan Pejabat Hutan Daerah (PHD) Rompin ke lokasi seterusnya membuat pemantauan serta semakan di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, pemeriksaan menemukan jengkaut dipercayai digunakan untuk menjalankan aktiviti melombong bijih besi secara haram dan berada dalam Hutan Simpan Ibam tanpa permit memasuki hutan di keluarkan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

"Kita percaya jengkaut terbabit digunakan bagi mengangkat ketulan batu ke atas lori untuk dipindahkan ke kawasan lain sebelum melalui proses seterusnya.

"Beberapa lubang bersaiz sederhana besar turut ditemui dalam kawasan terbabit yang dipercayai bekas kesan ketulan batu yang diambil oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk diproses," katanya, di sini hari ini.

Beliau berkata, pihaknya bertindak menyita jengkaut terbabit dan disimpan sementara di Pejabat Renjer Hutan Muadzam Shah. Kes berkenaan disiasat mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

Nor Azirim berkata, kejayaan semalam adalah kes pertama tahun ini membabitkan kegiatan melombong bijih besi dalam hutan simpan yang dilakukan secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab. Hutan Simpan Ibam sebelum ini turut terkenal dengan kegiatan melombong emas.

Katanya, usaha mengesan dalang terbabit melakukan kegiatan berkenaan kini sedang dilakukan bagi tindakan seterusnya, mereka perlu dihadapkan kemuka pengadilan.

"Kita tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terbukti melakukan kesalahan, tindakan undang-undang akan dikenakan di atas setiap kesalahan dilakukan.

"Saya meminta mana-mana pihak supaya dapat memberi kerjasama dengan memberi maklumat sekiranya mengetahui kegiatan menceroboh hutan simpan dan bertindak memindahkan hasil hutan tanpa kebenaran," katanya yang berharap lebih banyak kes kesalahan hutan dapat ditumpaskan tahun ini.